

24/11/1997

Larangan hanya bercuti keluar negara

PETALING JAYA, Ahad - Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik berkata keputusan parti untuk tidak membenarkan anggotanya ke luar negara pada tahun ini hanyalah untuk tujuan bercuti.

Beliau berkata keputusan itu yang dibuat pada mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno baru-baru ini adalah salah satu langkah berjimat-cermat bagi mengawal pengaliran keluar tukaran wang negara.

Menurutnya, semua pihak dalam parti haruslah mematuhi nasihat Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perkara itu.

"Nasihat presiden yang dinyatakan oleh Timbalan Presiden parti itu serupalah dengan arahan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pertandingan Kucing Antarabangsa Kelab Kucing Malaysia/Friskies '97 di sini hari ini.

Sabbaruddin berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa Umno memutuskan semua pemimpin parti di semua peringkat tidak dibenarkan bercuti di luar negara pada tahun ini sebaliknya digalakkan bercuti ke destinasi pelancongan dalam negeri.

Bagaimanapun, anggota Umno dibenarkan ke luar negara sekiranya mereka ada urusan tertentu, kata Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

"Setiap undang-undang mesti ada pengecualian. Mereka cuma tidak boleh bercuti ke luar negara, itu saja," katanya. - Bernama

(END)